

30 NOV 1999

P/Raya-Mahathir (Melbourne)

KEMENANGAN BN BUKTIKAN BAHAWA ADA RISIKONYA, KATA PROFESOR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 30 Nov (Bernama) -- Kemenangan besar Barisan Nasional pada pilihan raya umum pada Isnin membuktikan bahawa di sebalik kemenangan itu, ada risiko bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Prof Clive Kessler, dari Jabatan Sosiologi University of New South Wales, Sydney berkata "perlu diingat bahawa politik Malaysia bertunjangkan pada hakikat bahawa cuma ada satu badan mewakili masyarakat pelbagai kaum dan etnik iaitu Barisan Nasional.

``Ia boleh menjadi kuasa dominan di negara itu jika ia kuat. BN hanya kuat jika Umno -- parti pimpinan Dr Mahathir menjadi tunggakanya dan mewakili suara orang Melayu.

``Apabila kemampuannya untuk mewakili suara Melayu lemah, maka seluruh struktur Malaysia menimbulkan beberapa persoalan.

``Apabila PAS menang di kawasan Melayu -- menang 27 kerusi persekutuan, ia memenangi 22 daripada 23 kerusi di negeri Kelantan and Trengganu ... sedangkan Umno menang enam kerusi di Kelantan dan Trengganu.

Apabila PAS menang seperti 69 atau 70 kerusi, ini bererti menolak kepimpinan Dr Mahathir dan Umno.

``Apabila keadaan seperti ini berlaku, ia boleh melemahkan Umno dan menimbulkan persoalan tentang kemampuannya untuk menjadi kuasa dominan dalam BN.

-- BERNAMA

NDC FAZ